

# AL-HIKMAH

<b>Jilid</b>	<b>9</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2017</b>
<b>No.</b>	<b>2</b>		<b>1439</b>

- CABARAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SOLAT...3-15  
*Nurul Asmak Liana Bakar*
- HIDUP BERKELUARGA MELALUI DIDIKAN AMALAN Q-ROHANI (AFEKTIF): SATU PENDEKATAN FUZZY DELPHI...16-31  
*Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqsih Ahmad, Nurulrabihah Mat Noh*
- TAUBAT PENAGIH DAN PENERIMAAN KOMUNITI: KAJIAN KES DI BAITUL CAKNA TERENGGANU ...32-40  
*Ahmad Tarmizi Yusof, Mohd Safri Ali, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Berhanundin Abdullah, Abdul Wahab Ali*
- KEPENTINGAN KEROHANIAN DALAM MENANGANI PESAKIT KANSER WANITA MENURUT ISLAM ...41-56  
*Nora Ahmad @ Aziz, A'dawiyah Ismail, Salasiah Hanim Hamjah*
- CIRI-CIRI GPI PROFESIONAL BERASASKAN RIADHAH RUHIYYAH MENURUT PANDANGAN AL-GHAZALI: ANALISIS KANDUNGAN BAB ADAB TERHADAP GURU DALAM KITAB IHYA ULUM AL-DIN ...57-77  
*Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin*
- ISU-ISU DAKWAH DALAM TAFSIR AL-QUR'AN AL-KARIM ...78-86  
*Nadzrah Ahmad, Sohirin M Solihin, Ahmad Nabil Amir*
- TAZKIYAT AL-NAFS DALAM KERANGKA MAQASID AL-SHARIAH ...87-98  
*Abu Darda Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani*
- PEMELIHARAAN HARTA: ANALISIS MENURUT DIWAN IMAM SHAFTI ...99-112  
*Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Najihah Abd. Wahid*
- IDENTIFIKASI IDENTITI BISEKSUAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN ASPEK SOKONGAN SOSIAL DAN KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN INDIVIDU BISEKSUAL DI MELAKA... 113-130  
*Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Anis Nor Amelia Nor Asikin & Izzah Nur Aida Zur Raffar*
- PENERAPAN FIQH AWLAWIYYAT DALAM DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU... 131-140  
*Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don*
- TEORI KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT DALAM TERMA KEPIMPINAN TRANSFORMASI... 141-153  
*Nor Anisah Abu Hanipah, Razaleigh Muhamat@Kawangit*
- PERSEPSI KHATIB TERHADAP SENI RETORIK DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI... 154-166  
*Mohd Azizon Noordin, Zulkefli Haji Aini*
- PERLAKSANAAN HISBAH DI MALAYSIA PADA MASA KINI: PERKEMBANGAN DAN HALANGAN... 167-185  
*Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh*

• 204-186 ... رحمت الله الهندي الكيرانوي وكتابه إظهار الحق: النقد الإسلامي للعهد القديم والجديد

عبد الكبير حسين صالح

*Al-Hikmah 9(2) 2017: 57-77*

Ciri-ciri Guru Pendidikan Islam Profesional  
(GPI) Berasaskan *Riadhah Ruhhiyyah*  
Menurut Pandangan Al-Ghazali:  
Analisis Kandungan Bab Adab  
Terhadap Guru Dalam Kitab  
*Ihya' Ulum Al-Din'*

Characteristics of Professional Islamic Education Teachers Based on *Riadhah Ruhhiyyah* According to Al-Ghazali: The Content Analysis of the Chapter Adab to Teacher in *Ihya Ulum al-Din*

HABIBAH @ ARTINI RAMLIE  
ZAHARAH HUSSIN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kandungan kitab *Ihya' Ulum al-Din* karangan Al-Ghazali bagi mendapatkan maklumat berhubung konsep dan ciri-ciri guru Pendidikan Islam (GPI) profesional berasaskan '*riadhah ruhiyyah*'. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan data berhubung atribut profesional tersebut. Sampel kajian adalah kitab *Ihya' Ulum al-Din* Jilid 1 yang diterbitkan tanpa tahun oleh Dar al-Ma'rifah di Beirut. Unit analisis dalam kandungan kitab yang dikaji mengkhusus kepada bahagian kelima kitab berkaitan adab guru dan pelajar. Dapatan kajian mendapati ciri-ciri guru profesional berasaskan '*riadhah ruhiyyah*' yang diekstrak dari kandungan kitab berkenaan adalah merangkumi dimensi hubungan dengan Allah s.w.t, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan rakan sejawat serta hubungan dengan pelajar.

**Kata kunci:** *Pendidikan Islam, guru Pendidikan Islam (GPI), guru profesional, 'riadhah ruhiyyah'*

PENDAHULUAN

Guru menurut al-Ghazali (t.t) adalah penunjuk ke jalan kebenaran. Maksud guru dalam konsep akademik menurut beliau juga adalah seseorang yang

menyertai sesuatu institusi dengan tujuan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajarnya atau seseorang yang menyampaikan sesuatu untuk orang lain (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990). Guru menjadi pembuka jalan dan pemudah yang rumit. Oleh itu, amat mudah dan menyenangkan untuk memperolehi ilmu apabila bersama guru. Guru juga merupakan orang yang berurusan secara langsung dengan hati dan jiwa manusia. Justeru tugas mendidik adalah tugas yang paling mulia kerana guru mendidik jiwa, hati, akal dan roh manusia (Abdul Salam Yussof). Apabila guru dipertanggungjawabkan untuk mendidik 'roh' manusia, maka guru perlu terlebih dahulu mendidik rohnya menerusi '*riadhah ruhiyyah*' yang menjadi fokus kajian ini.

### CIRI-CIRI GURU PROFESIONAL

Berpandukan pandangan al-Ghazali, guru Pendidikan Islam (GPI) cemerlang dan profesional menurut Kamarul Azmi Jasmi (2009, 2010, 2012) adalah GPI yang menitikberatkan aspek keperibadian, pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran. Aspek keperibadian yang perlu ditekankan adalah keperibadian kepada Allah s.w.t, aspek penampilan diri serta aspek keperibadian terhadap anak didik.

Aspek keperibadian dan akhlak GPI yang boleh diperhatikan ketika berada di sekolah khususnya di dalam kelas terbahagi kepada dua kategori iaitu penampilan serta keperibadian GPI itu sendiri (Kamarul Azmi Jasmi, 2009, 2010, 2012). Penampilan adalah kriteria utama yang perlu dimiliki oleh seorang GPI merangkumi kekemasan diri dan kebersihan tubuh badan manakala aspek kedua adalah keperibadian kepada para pelajarnya. Keperibadian ini secara ringkasnya dinyatakan sebagai ekspresi kasih sayang terhadap para pelajar, selalu memberi nasihat, tunjuk ajar serta tumpuan kepada pelajar serta memberi galakan terhadap idea positif yang dicetuskan oleh pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, GPI turut perlu bersikap adil dan mementingkan persamaan antara para murid, memahami tabiat mereka di samping memupuk keikhlasan niat dalam menuntut ilmu. Seterusnya, GPI perlu menitikberatkan perbezaan tahap antara individu pelajar, membimbing mereka dalam membangunkan motivasi intrinsik dengan matlamat dan cara yang betul, mengutamakan *maslahat* pelajar, bertanggungjawab terhadap pembangunan sahsiah pelajar, menanamkan sifat kerjasama dalam belajar serta 'perlumbaan' yang positif di antara mereka, tidak menghentam ilmu yang lain di hadapan mereka, menjauhi perbuatan bohong, mempamerkan respon positif terhadap

persoalan yang ditimbulkan oleh pelajar serta menghargai kejayaan pelajar dalam melakukan sesuatu.

Dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran, GPI profesional dan cemerlang merupakan guru yang terlatih, cekap dan memiliki pengetahuan terhadap perkara yang diajarnya. Ia meliputi visi dan misi, persediaan pengajaran dan pembelajaran, pengurusan kelas, set induksi, pendekatan, pelaksanaan, bahan bantu mengajar, penilaian serta penutup. Pemilihan strategi pengajaran yang amat mustahak untuk dititikberatkan lantaran ia akan menghasilkan pembelajaran yang lebih efisien dan berkesan. Justeru GPI perlu sentiasa memastikan penglibatan pelajar secara sepenuhnya di dalam kelas agar interaksi dan suasana pembelajaran menjadi 'hidup', aktif serta memberangsangkan. Situasi pembelajaran yang efektif dan berkualiti hanya akan tercapai sekiranya para guru berpengetahuan meluas dan memiliki kefahaman menyeluruh mengenai kepelbagaian teknik pengajaran di dalam kelas. GPI cemerlang juga perlu menekankan aspek disiplin di samping mampu berkomunikasi secara baik dan berkesan semasa berlangsungnya sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta menyampaikan pengajaran mengikut tahap pemikiran dan kemampuan pelajar.

Untuk memastikan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, GPI juga seharusnya berperibadi unggul, menunjukkan ketokohan yang baik serta perwatakan yang sempurna. Hal ini kerana sikap dan perilaku sering menjadi perhatian dan penilaian anak murid bukan hanya ketika berada di sekolah, bahkan juga ketika berada di luar kawasan sekolah. Anak didik akan lebih mudah memahami dan terkesan dengan ilmu yang diajar oleh guru yang memiliki peribadi mulia, menunjukkan kasih sayang terhadap mereka, mengajar dengan kesabaran dan penuh hikmah di samping berpegang teguh kepada ajaran agama dan ilmunya (Kamarul Azmi et al., 2009).

Manakala dalam aspek kemahiran dan kecekapan, GPI turut perlu memiliki kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang terkini dan semasa, menguasai kemahiran penulisan, mampu melakukan penyelidikan serta berupaya membangunkan modul untuk kegunaan di dalam kelas. Penguasaan kepelbagaian kemahiran berkenaan seterusnya boleh menjadi kriteria atau instrumen penilaian dalam penganugerahan ganjaran serta hadiah kenaikan pangkat para guru. Justeru peruntukan bagi memenuhi keperluan guru untuk mencipta inovasi pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dalam bidang pendidikan serta menerbitkan bahan-bahan penulisan perlu dipertimbangkan. Selain penyediaan dana yang mencukupi, hal ini juga boleh dilaksanakan

menerusi penyediaan kemudahan penyelidikan dan penerbitan dengan mengambilkira beban tugas guru dari aspek pentadbiran, pengurusan dan juga aspek pengajaran dan pembelajaran itu sendiri (Ab. Halim Tamuri et al., 2012). Semua aspek ini perlu dititikberatkan oleh GPI kerana ia adalah antara faktor penting dalam menentukan kualiti dan kecemerlangan GPI.

### MAKSUD 'RIADHAH RUHIYYAH'

'*Ruhiyyah*' yang berasal dari kalimah '*ruh*' atau roh adalah suatu jisim yang halus yang ada pada rongga hati jasmani manusia. Ia berkembang dalam tubuh manusia menerusi urat saraf dan menggerakkan lima pancaindera yang dimiliki manusia untuk membolehkan manusia mengetahui serta memahami segala yang berada dalam diri mereka (al-Ghazali, 1987; Surah al-Qiyamah, 75 : 14-15). Ia berkisar sekitar persoalan dalaman serta aspek kejiwaan manusia yang turut berkait rapat dengan elemen roh, akal, hati dan nafsu (al-Ghazali, t.t). Aspek kerohanian tersebut mengikut pandangan al-Ghazali bukan hanya terbatas dalam dimensi dalaman dan batin semata-mata, malah ia turut merangkumi aspek ketaatan yang nyata dan zahir kepada Allah s.w.t serta para RasulNya (Surah al-Nisa', 4 : 59), khususnya dalam memahami hak sebagai seorang hamba. Pemahaman tersebut akhirnya nanti akan melahirkan perilaku selari dengan hak kehambaan sebagai seorang hamba Allah s.w.t yang mematuhi ajaran Nabi Muhammad s.a.w serta melaksanakan amanah dan tanggungjawab terhadap manusia lain.

Gabungan perkataan '*Riadhah*' yang bermaksud 'latihan' menurut Abdul Raof et al, (2011) dan perkataan '*Ruhiyyah*' menghasilkan suatu terma khusus iaitu '*Riadhah*' '*Ruhiyyah*' atau latihan kerohanian' (Abdul Raof et al., 2011). Jika latihan fizikal adalah untuk tubuh badan, maka latihan kerohanian adalah satu bentuk latihan kepada roh dan jiwa (Sellars, 2007). Al-Ghazali menggambarkan kehidupan kerohanian sebagai satu pengembaraan seseorang menuju Allah s.w.t untuk kembali kepada penciptaNya (Bingaman, 2009) manakala seorang ahli falsafah Iran terkemuka iaitu Mulla Sadra Shirazi menyatakan latihan kerohanian atau '*spiritual exercise*' itu sebagai suatu falsafah dan cara hidup kerana falsafah itu sendiri menjangkau aspek intelektual manusia (Rizvi, 2012). Oleh itu, pengkaji merumuskan '*Riadhah Ruhiyyah*' sebagai suatu manifestasi penyucian jiwa dalam dimensi yang berbentuk kerohanian dengan objektif untuk mencapai matlamat dan hasrat pendidikan Islam yang paling utama

iaitu meningkatkan keimanan (Al-Quran, al-Mujadalah 58: 11) dan mencari keredaaan Allah s.w.t (Al-Quran, al-Nisa 4: 57).

Menyentuh tentang penerapan *Riadhah Ruhyyah* dalam konteks perguruan, al-Ghazali (t.t) secara umumnya menekankan bahawa seorang guru profesional perlu mempunyai ciri-ciri dalaman dan luaran yang unggul, terlatih dan cekap serta berpengetahuan dalam sesuatu perkara yang hendak diajar (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2011). Ciri-ciri unggul dalaman yang dimaksudkan adalah pegangan teguh kepada ajaran Islam kerana al-Ghazali (t.t) menegaskan bahawa seorang guru perlu mengutamakan hubungannya dengan Allah s.w.t. juga antara sesama insan. Seyyed Hossein Nasr (2003) amat menekankan perkara ini dengan menyatakan bahawa dalam perspektif Islam, agama tidak dilihat sebagai hanya satu bahagian kehidupan. Ia sebaliknya merangkumi segenap aspek kehidupan manusia kerana kejadian manusia dan segenap seisi alam adalah di bawah kekuasaanNya. Justeru segala pemikiran dan tindakan perlu disandarkan kepada Allah s.w.t. (Seyyed Hossein Nasr, 2003) kerana agama adalah dimensi zahir yang terdiri dari Islam, iman dan ihsan yang akan mendorong ke arah aspek dalaman seseorang (Seyyed Hossein Nasr, 1981a).

Ringkasnya, GPI yang menerapkan dan menghayati '*riadhah ruhiyyah*' pada dirinya perlu menitikberatkan empat aspek utama iaitu hubungan dengan Allah s.w.t, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan rakan sejawat serta hubungan dengan pelajar sebagaimana yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Islam serta Etika Profesion Perguruan yang termaktub dalam bentuk ikrar tercetak di halaman hadapan buku persediaan mengajar guru.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan data berhubung ciri-ciri GPI profesional. Analisis kandungan adalah satu proses merumus dan melapor data bertulis (Cohen, Manion & Morrison, 2007). Ia adalah antara teknik dalam melakukan penyelidikan khususnya dalam bidang komunikasi massa atau yang berkenaan teks bertulis tertentu (Zaharah Hussin, 2008). Ia juga adalah satu metod penyelidikan yang membuat tumpuan dan fokus terhadap media. Ulasan dan pengamatan diberi terhadap perkara yang dilihat, didengar, dibaca, diperkatakan dan seumpamanya. Penyelidik membangunkan pendapat atau pandangan berkaitan sesuatu isu apabila ia didedahkan oleh media termasuklah televisyen, radio, akhbar, majalah, buku, novel, puisi, cerpen, ucapan dan

lain-lain. Tujuan strategi ini adalah untuk meneroka tema dan persoalan dari bahan tersebut (Sulaiman Masri 2003).

Analisis kandungan melibatkan pemecahan dan pengasingan kategori yang jelas berpandukan tatacara yang ditetapkan. Matlamatnya adalah untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan persoalan kajian yang dikemukakan secara deskriptif dengan kaedah induktif, deduktif serta komparatif. Analisis kandungan digunakan untuk memahami isu semasa, menguji hipotesis, mengkaji persoalan sejarah serta pemikiran tokoh di samping mengetahui *trend* masyarakat. Analisis kandungan juga digunakan untuk menganalisis teks secara sistematik dan merumuskannya dalam kategori serta tema tertentu untuk menghasilkan teori (Cohen, Manion & Morrison, 2007). Menurut Chow dan Jaizah Mahamud (2011), kaedah analisis kandungan digunakan oleh penyelidik untuk menilai perkara yang kerap kali berlaku dan mencari pandangan sebilangan besar ahli dalam sesuatu kumpulan. Analisis kandungan turut menitikberatkan kawalan, keadaan semula jadi dan keumuman. Bezanya strategi ini dengan kaedah lain ialah ia menggunakan analisis bukan manusia tetapi perkataan pada surat, buku, program dan wayang gambar (Sulaiman Masri 2003).

Dalam melaksanakan analisis kandungan untuk mengenal pasti ciri-ciri guru profesional berasaskan '*riadhah ruhiyyah*', pengkaji mengkaji semua data dengan teliti, memastikan kategori dan contoh, mengkaji semula data dan membahagikan data itu mengikut kategori yang dikenal pasti. Hal ini kerana setiap kategori mempunyai ciri-ciri tertentu dan perlu berkaitan dengan persoalan kajian. Cara menyusun data mengikut kategori adalah melalui pengkodanan. Dua cara pengkodanan yang dijalankan oleh pengkaji adalah secara deduktif iaitu kategori dipilih dari teori dan secara induktif iaitu kategori ditentukan selepas mengkaji data yang diperolehi (Chow & Jaizah Mahamud, 2011).

## SAMPEL KAJIAN

Kajian ini menggunakan sampel khusus (*purposive sampling*) yang ditentukan oleh pengkaji iaitu kitab yang dikarang oleh Imam al-Ghazali bertajuk *Ihya' Ulum al-Din*. Kitab *Ihya' Ulum al-Din* yang digunakan adalah kitab Jilid 1 yang diterbitkan tanpa tahun oleh Dar al-Ma'rifah di Beirut. Kitab ini dipercayai dikarang oleh al-Ghazali sekitar tahun 489 Hijrah dan 495 Hijrah (Abdul Salam Yusoff, 2003). Unit analisis dalam kandungan kitab yang dikaji adalah mengkhusus kepada bahagian kelima kitab berkaitan adab guru dan pelajar. Hal ini bertepatan dengan pandangan

Cohen, Manion & Morrison (2007) yang menyatakan bahawa unit analisis dalam analisis kandungan boleh didefinisikan dalam banyak peringkat seperti perkataan, frasa, ayat, perenggan, keseluruhan teks dan tema. Unit-unit analisis ini boleh dikelaskan dalam kategori teks yang sama yang mempunyai maksud yang sama dalam konteks tersebut. Unit sampel analisis kandungan adalah unit yang terdapat dalam analisis.

Pengkaji memilih kitab *Ihya' Ulum al-Din* atas dasar kitab ini merupakan karya Imam al-Ghazali yang terbesar dan begitu berpengaruh dalam dunia Islam. Buku ini ditulis antara tahun 489 Hijrah dan 495 Hijrah dan ia menjadi rujukan utama sebahagian besar umat Islam dari pelbagai fahaman dan aliran. Kandungan kitab ini meliputi bidang ibadah, akhlak dan muamalah. Huraian feqahnya berpandukan Imam Syafie dan teologinya bercorak Imam Asya'ari. Dalam bidang ilmu, al-Ghazali mengkategorikan bidang ilmu kepada ilmu zahir yang meliputi ibadah serta ilmu batin yang menjurus kepada pembersihan hati dari sifat-sifat tercela ke arah mencapai sifat-sifat terpuji. Ilmu juga dibahagikan dengan hukum fardu ain dan fardu kifayah serta ilmu agama dan ilmu intelektual. Ilmu agama dan ilmu intelektual ini diklasifikasikan kepada ilmu terpuji dan ilmu tercela dan guru adalah penyampai ilmu untuk membimbing pelajar (al-Ghazali, t.t; Abdul Salam Yussof, 2003). Perbincangan mengenai guru yang menjadi tumpuan pengkaji disentuh oleh beliau dalam bahagian atau bab kelima kitab tersebut pada muka surat 55 hingga 58.

## ANALISIS DATA

Dalam proses analisis data, pengkaji menstrukturkan kandungan kitab *Ihya' Ulum al-Din* dengan cara mengekod dan mengkategorikan teks secara '*open coding*' dan '*axial coding*' dengan beberapa langkah.

Pada langkah pertama, bacaan awal dan *open coding* membantu pengkaji mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai aspek-aspek perbincangan utama yang ditekankan dalam kitab berkenaan. Pengkaji seterusnya membaca kitab terjemahan '*Ihya' Ulum al-Din* terjemahan Ismail Yaakub (1986) untuk pemahaman yang lebih jelas mengenai aspek yang dibincangkan.

Pengkaji kemudian menganalisis dan membuat pengkategorian (*axial coding*) dalam langkah yang kedua. Ia menghasilkan dua kategori utama iaitu 'Ciri-ciri Guru Profesional' dan '*Riadhah Ruhhiyyah*.' Pengkaji seterusnya mengubahsuai mana-mana istilah yang bersesuaian dengan GPI.



Setelah mengenal pasti semua istilah adalah bersesuaian dengan GPI (*axial coding II*), kategori ‘Ciri-ciri Guru Profesional’ dipecahkan lagi untuk membentuk kategori ‘Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran’ dan kategori ‘Aspek-aspek Profesionalisme’ manakala kategori ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ dipecahkan kepada empat sub kategori iaitu ‘Hubungan dengan Allah s.w.t’, ‘Hubungan dengan diri sendiri’, ‘Hubungan dengan rakan sejawat’ dan ‘Hubungan dengan rakan’.

Pengkaji kemudian melakukan ‘*selective coding*’ dengan cara mencatat kategori, menggabungkan sub-sub kategori dan menentukan kewajaran kategori-kategori tersebut. Dalam langkah ini, apabila kategori ‘Ciri-ciri guru profesional’ dan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ digabungkan, ia menghasilkan satu kategori utama iaitu ‘Ciri-ciri guru profesional berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ yang menjadi fokus utama kajian.

Untuk tujuan keesahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi, pengkaji menggunakan proses triangulasi pelbagai sumber dengan cara membandingkan perspektif dan tafsiran dari pelbagai pihak. Cara ini menurut Chow dan Jaizah Mahmud (2011) dapat membantu pengkaji untuk mengenalpasti perbezaan dan persamaan perspektif di kalangan tiga pihak mengenai sesuatu kejadian atau situasi. Dalam kajian ini juga, pengkaji sendiri menjadi pengkod yang melaksanakan aktiviti pengkodanan. Pengkaji juga menggunakan khidmat semakan seorang guru bahasa Arab memiliki kelulusan Sarjana Muda Bahasa Arab dari sebuah universiti bertaraf antarabangsa di Malaysia dan semakan rakan (*peers check*) yang juga berkelulusan Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Sebelum pengkodanan dilakukan, keduanya terlebih dahulu difahamkan dengan tatacara kajian ini. Pengkaji juga mengulang aktiviti pengkodanan di antara dua tempoh yang lama. Proses pengkodanan dan pengkategorian yang dilakukan ini adalah sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Postholm (2012). Selain itu, terjemahan kitab *Ihya’ Ulum al-Din* oleh Ismail Yakub (1986) turut digunakan untuk tujuan keesahan.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan dari bacaan awal (*open coding I*) berpandukan teks terjemahan (*open coding II*) terhadap bab kelima kitab *Ihya’ Ulum al-Din* telah membantu pengkaji mendapatkan gambaran menyeluruh tentang aspek perbincangan utama yang ditekankan berhubung adab sebagai guru. Terdapat 8 perkara yang ditekankan oleh al-Ghazali (t.t) dalam perkara tersebut.

Pertama, guru hendaklah bersikap belas kasihan terhadap pelajar dan menganggap pelajar seperti anak sendiri. Pelajar perlu diajar dengan ilmu akhirat agar mereka terlepas dari azab api neraka di akhirat. Guru juga perlu mengajar ilmu duniawi namun bukan untuk urusan duniawi tetapi untuk urusan akhirat.

Kedua, guru perlu mengikut jejak para rasul yang tidak menerima upah atau balasan dan mengajar hanya kerana Allah s.w.t dengan matlamat bagi mendekatkan diri kepadaNya. Para guru juga tidak seharusnya merasa telah berbudi kepada pelajarnya sebaliknya guru perlu beranggapan bahawa dia telah melakukan amalan dan perbuatan yang baik kerana mengasuh dan mendidik jiwa pelajarnya agar sentiasa dekat dengan Allah s.w.t (Al-Quran, Hud 11: 29).

Ketiga, pelajar perlu dibimbing melakukan perkara yang betul dan menetapkan matlamat bahawa tujuan belajar adalah semata-mata hanya untuk menghampiri Allah s.w.t, bukannya dengan niat untuk menjadi ketua, bermegah-megah dan bersaing dan bukan juga untuk urusan dunia. Jika pelajar menuntut ilmu dengan tujuan untuk berselisih dalam hukum fiqah, berdebat dalam ilmu kalam serta berfatwa dalam hukum, guru perlu mencegahnya kerana ia tidak termasuk dalam ilmu akhirat sebaliknya hanya menambahkan kesesatan hati serta kelalaian dari Allah s.w.t. Namun menurut al-Ghazali, tidak ada salahnya jika seorang pelajar menuntut ilmu akhirat seperti tafsir, hadis dan akhlak untuk tujuan duniawi kerana ia boleh memberi pengajaran dan ikutan kepada orang ramai di samping ilmu-ilmu tersebut memiliki pengetahuan yang membawa rasa takutkan Allah s.w.t., penghinaan kepada dunia serta penghargaan kepada akhirat. Pelajar juga akan memperolehi pengajaran dari apa yang diajarkan kepada orang lain.

Keempat, dalam mendidik akhlak pelajar, guru perlu melarang pelajar dari berperangai buruk dengan cara sindiran dan tidak berterusterang, dengan cara kasih sayang serta tidak dengan cara mengejek. Hal ini kerana adalah dibimbangi apabila dilakukan secara terus-terang, ia boleh menghilangkan perasaan takut pelajar kepada guru di samping mengakibatkan pelajar berani menentang dan suka meneruskan sifat jahat itu. Kaedah sindiran menurut al-Ghazali (t.t) dipercayai boleh mendorong hati pelajar untuk memahami tujuan sindiran menerusi keinginan untuk mengetahui maksud sindiran tersebut.

Kelima, guru juga tidak seharusnya merendah-rendahkan mata pelajaran lain yang tidak diajar di hadapan pelajar kerana guru perlu membuka jalan seluasnya kepada pelajar untuk mempelajari mata pelajaran lain. Pada masa yang sama, para guru perlu memantau kemajuan pelajar

mengikut peringkat kerana aspek kebolehan setiap pelajar adalah tidak sama.

Seterusnya, guru perlu mengajar mengikut pemahaman pelajar dan tidak mengajar sesuatu yang belum sampai kepada pemahaman pelajar untuk mengelakkan minda pelajar dari tumpul. Hal ini kerana menurut al-Ghazali (t.t), apabila tidak ada pemahaman pada diri pelajar berhubung sesuatu perkara, akan terjadilah pertentangan kerana pertimbangan akal telah mengalami salah pengertian (Al-Quran, al-Nisa 4: 5). Adalah zalim menurut beliau memberikan kepada yang tidak berhak dan tidak memberikan kepada yang berhak.

Ketujuh, bagi pelajar yang kurang faham, guru perlu memberi pelajaran yang jelas yang layak bagi pelajar tersebut tanpa mengganggu pemahaman pelajar dengan menyatakatan bahawa di sebalik yang diterangkan itu terdapat lagi perbincangan mendalam yang disimpan dan tidak dijelaskan. Ia boleh mengakibatkan pelajar kurang berkeinginan kepada perkara yang telah jelas itu serta mengganggu fikiran seolah-olah menunjukkan guru tidak mahu memberi ilmu kepadanya.

Kelapan, para guru juga perlu beramal dengan ilmu dan tidak seharusnya perkataan yang lahir dari mulut guru tidak menyamai perbuatannya. Hal ini kerana menurut al-Ghazali (t.t), ilmu dilihat dengan hati dan amal dilihat dengan mata. Apabila amal bersalahan dengan ilmu, maka sudah pasti keadilan tidak dapat ditegakkan (Al-Quran, al-Baqarah 2: 44).

Setelah bacaan dan pemahaman awal berhubung lapan perkara di atas selesai dilakukan, pengkaji melakukan bacaan semula untuk melakukan analisis dan mengambil kategori (*axial coding I*). Analisis dan pengkategorian ini menghasilkan dua kategori utama iaitu 'Kategori Ciri-ciri Guru Profesional' dan 'Kategori 'Riadhah Ruhiyyah' sebagaimana yang dipaparkan pada Jadual 1.

Jadual 1 Dua kategori utama selepas '*axial coding I*'

<b>Ciri-ciri guru profesional</b>	<b>'Riadhah Ruhiyyah'</b>
• Bersikap belas kasihan terhadap pelajar	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Menganggap pelajar seperti anak sendiri	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Pelajar diajar dengan ilmu akhirat	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )

---

• Mengajar ilmu duniawi namun bukan untuk urusan duniawi tetapi untuk urusan akhirat	Hubungan dengan diri sendiri ( <i>Habl min al-nafs</i> )
• Mengikuti jejak para rasul yang tidak menerima upah atau balasan	Hubungan dengan diri sendiri ( <i>Habl min al-nafs</i> )
• Mengajar semata-mata kerana Allah s.w.t bagi mendekatkan diri kepadaNya	Hubungan dengan Allah s.w.t ( <i>Habl min Allah</i> )
• Tidak merasa telah berbudi kepada pelajar	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Mendidik jiwa pelajar agar sentiasa dekat dengan Allah s.w.t	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Membimbing pelajar melakukan perkara yang betul	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Membimbing pelajar bahawa tujuan belajar adalah kerana Allah s.w.t, bukan untuk menjadi ketua, bermegah-megah dan bersaing dan bukan juga untuk urusan dunia	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Tidak merendah-rendahkan mata pelajaran lain yang tidak diajar di hadapan pelajar	Hubungan dengan rakan sejawat ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Mencegah pelajar dari berakhlak mazmumah dengan cara kasih sayang	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Sentiasa memantau kemajuan pelajar mengikut peringkat	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Mengajar mengikut pemahaman pelajar	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Memberi penerangan yang jelas kepada pelajar	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Beramal dengan ilmu	Hubungan dengan diri sendiri ( <i>Habl min al-nafs</i> )

---

Setelah mengenal pasti semua istilah adalah bersesuaian dengan GPI (*axial coding II*), kategori '*Riadhah Ruhhiyyah*' dipecahkan dan disusun kepada

empat sub kategori iaitu ‘Hubungan dengan Allah s.w.t’, ‘Hubungan dengan diri sendiri’, ‘Hubungan dengan rakan sejawat’ dan ‘Hubungan dengan rakan’ seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Kategori ‘Ciri-ciri Guru Profesional’ dipecahkan kepada dua sub kategori iaitu ‘Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran’ dan ‘Aspek-aspek Profesionalisme’.

Di bawah sub kategori ‘Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran’, ia dipecahkan lagi kepada empat sub kategori ‘Perancangan Pengajaran’, ‘Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran’, ‘Penyampaian Pengajaran’ dan ‘Penilaian Pengajaran’ manakala di bawah sub kategori ‘Aspek-aspek Profesionalisme’, ia dipecahkan kepada tiga sub kategori iaitu ‘Pengetahuan Profesionalisme’, ‘Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme’ serta ‘Ganjaran Bukan Kewangan’ sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 3.

Jadual 2 Aspek-aspek ‘riadhah ruhiyyah’ mengikut susunan

<b>Ciri-ciri guru profesional</b>	<b>‘Riadhah Ruhiyyah’</b>
• Mengajar semata-mata kerana Allah s.w.t bagi mendekatkan diri kepadaNya	Hubungan dengan Allah s.w.t ( <i>Habl min Allah</i> )
• Mengikut jejak para rasul yang tidak menerima upah atau balasan	Hubungan dengan diri sendiri ( <i>Habl min al-nafs</i> )
• Mengajar ilmu duniawi namun bukan untuk urusan duniawi tetapi untuk urusan akhirat	Hubungan dengan diri sendiri ( <i>Habl min al-nafs</i> )
• Beramal dengan ilmu	Hubungan dengan diri sendiri ( <i>Habl min al-nafs</i> )
• Tidak merendah-rendahkan mata pelajaran lain yang tidak diajar di hadapan pelajar	Hubungan dengan rakan sejawat ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Bersikap belas kasihan terhadap pelajar	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Menganggap pelajar seperti anak sendiri	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Pelajar diajar dengan ilmu akhirat	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
• Tidak merasa telah berbudi kepada pelajar	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendidik jiwa pelajar agar sentiasa dekat dengan Allah s.w.t</li> </ul>	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membimbing pelajar melakukan perkara yang betul</li> </ul>	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membimbing pelajar bahawa tujuan belajar adalah kerana Allah s.w.t, bukan untuk menjadi ketua, bermegah-megah dan bersaing dan bukan juga untuk urusan dunia</li> </ul>	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencegah pelajar dari berakhlak mazmumah dengan cara kasih sayang</li> </ul>	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sentiasa memantau kemajuan pelajar mengikut peringkat</li> </ul>	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengajar mengikut pemahaman pelajar</li> </ul>	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi penerangan yang jelas kepada pelajar</li> </ul>	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )

Jadual 3 Sub kategori dalam kategori ‘Ciri-ciri Guru Profesional’ dan kategori ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’

Ciri-ciri Guru Profesional		Aspek ‘ <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> ’			
<b>Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan Pengajaran</li> <li>• Pengetahuan Kandungan Pengajaran</li> <li>• Penyampaian Pengajaran</li> <li>• Penilaian Pengajaran</li> </ul>	<b>Aspek-aspek Profesionalisme</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan Profesionalisme</li> </ul>	Hubungan dengan Allah s.w.t ( <i>Habl min Allah</i> )	Hubungan dengan diri sendiri ( <i>Habl min al-nafs</i> )	Hubungan dengan rakan sejawat ( <i>Habl min al-nas</i> )	Hubungan dengan pelajar ( <i>Habl min al-nas</i> )
	Isi <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme</li> <li>• Ganjaran Bukan Kewangan</li> </ul>				

Pengkaji kemudian melakukan ‘*selective coding*’ dengan cara menulis kategori, menggabungkan sub kategori dan menentukan kewajaran kategori. Dalam langkah ini, apabila kategori ‘Ciri-ciri guru profesional’ dan

'*Riadhah Ruhiyyah*' digabungkan, ia menghasilkan satu kategori utama iaitu 'Ciri-ciri guru profesional berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang menjadi fokus utama kajian ini.

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan analisis kandungan yang telah dilakukan seterusnya dimurnikan untuk memudahkan perbincangan dapatan kajian. Dalam aspek hubungan dengan Allah s.w.t misalnya. Al-Ghazali (t.t) amat menitikberatkan betapa pentingnya seorang GPI memiliki iman yang teguh serta peribadi yang mulia dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi mencapai matlamat mendapat kerediaan Allah s.w.t (Surah al-Hadid, 57 : 7; Surah al-Nisa' 4 : 69) untuk kebahagiaan di akhirat. GPI perlu mengutamakan niat kerana Allah s.w.t dan mengikuti ajaran Rasul kerana ia adalah bukti jelas keimanan seseorang.

Hal ini kerana meskipun aspek keimanan merupakan dimensi dalaman yang tidak dapat diukur namun Seyyed Hossein Nasr (1981a) menyatakan bahawa untuk mendalami kehidupan dan menjiwai dimensi dalaman, manusia perlu melakukan amalan-amalan yang mampu menghampirkan diri seseorang kepada Allah s.w.t. seperti ibadat solat, puasa, haji, menunaikan zakat serta berjihad. Ini kerana amalan-amalan ini merupakan amalan yang menyucikan kehidupan manusia ke arah kebahagiaan. GPI perlu sentiasa memantapkan iman dengan membersihkan hati (Abdullah Ishak, 1995 & Rafizah Mohamed Salleh, 2011) dan menekankan amalan solat, berzikir (yang meliputi aktiviti mental) serta berdoa (secara vokal) kerana amalan-amalan ini dapat membantu seseorang dalam kehidupan kerohaniannya (Bingaman, 2009). Dalam aspek berzikir misalnya. Zikir menurut al-Ghazali mempunyai lima kategori iaitu keinginan seseorang hamba untuk sentiasa mengingati Allah s.w.t dan berlindung dari godaan syaitan, zikir sebagai satu latihan kerohanian dalam menuju hari akhirat, zikir sebagai satu bentuk pengulangan nama Allah s.w.t. atau ucapan yang suci, zikir sebagai satu gambaran keikhlasan dan zikir sebagai satu cara mengulang-ulang nama Allah s.w.t. Sebagai lanjutan dari amalan zikir ini, al-Ghazali juga menekankan doa dan munajat untuk lebih mendekatkan hamba dengan Allah s.w.t (Surah al-Insan, 76 : 25-26; Al-Ghazali, t.t; Bingaman, 2009).

Di samping itu, GPI juga perlu melazimi amalan *taqarrub* menerusi ibadat-ibadat sunat seperti solat berjemaah, menunaikan solat rawatib, melakukan Qiamullail, membaca al-Quran setiap hari, membaca tafsir al-

Quran, menghafal surah-surah al-Quran, menghafal hadis-hadis nabi serta menunaikan puasa sunat pada hari Isnin dan Khamis secara konsisten bagi tujuan membentuk keperibadian sebagai seorang GPI (Surah al-Anfal, 8 : 2-4, Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, 2013). Hal ini kerana menurut Allahbakhsh Khudabahsh Brohi (1992), sekiranya hidup di dunia ini dijalankan sesempurna mungkin, ia adalah semaian untuk seseorang itu di akhirat nanti. Pada masa yang sama, guru yang profesional menurut al-Ghazali (t.t) perlu ikhlas terhadap Allah s.w.t dengan menjalankan tugas tanpa mengharapkan sebarang balasan (Abdullah Ishak, 1995). Tujuan dan perkhidmatannya adalah bagi menghampirkan diri kepada Allah s.w.t dan perkara ini dilihat pada dua sudut iaitu menjadi khalifah Allah s.w.t serta melaksanakan ibadat untuk menghampirkan diri kepadaNya. Guru yang efektif juga merupakan seorang guru yang meminati dan mencintai profesionnya. Justeru pemahaman yang jelas bahawa profesion adalah ibadah akan membantu dalam meningkatkan kesungguhan guru ketika mendidik pelajar (Surah Hud, 11: 29, Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing, 2005).

Dalam dimensi hubungan dengan diri sendiri, guru yang profesional perlu mewarisi ajaran Rasulullah s.a.w, memperjuangkan ajaran yang disampaikan dalam masyarakat di samping menghayati ilmu dengan mengamalkan apa yang diajar (Surah al-Baqarah, 2 : 44; Al-Ghazali, t.t). GPI juga perlu sentiasa menjaga penampilan diri dari sudut fizikal serta menjaga pertuturan (Abdullah Ishak, 1995) supaya selaras dengan tuntutan Allah s.w.t (Rafizah Mohamed Salleh, 2011). Mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w di samping adanya penghayatan ikhlas terhadap ilmu yang dimiliki melambangkan peribadi mulia yang bertitik tolak dari manifestasi iman yang kukuh terhadap Allah s.w.t. (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Guru perlu turut beramal dengan ilmu dan menguasai ilmu yang selari dengan keperluan masa kini bersesuaian dengan status guru sebagai pakar rujuk atau agamawan dalam kalangan masyarakat (Ab. Halim Tamuri et al., 2012).

Tuntutan mengamalkan sunnah Rasul sebagaimana yang diutarakan oleh Imam al-Ghazali (t.t) seperti sentiasa menjaga hubungan baik sesama manusia juga boleh dijelmakan menerusi hubungan baik di antara GPI dengan rakan sejawat. Kajian yang dijalankan oleh Yahya Buntat dan Zainuddin Masrom (2003) membuktikan perkara ini kerana dapatan menunjukkan para guru merasakan adalah sesuatu yang kurang wajar bagi mereka untuk menegur kekurangan atau kelemahan rakan sekerja dengan cara tidak beradab dan kurang sopan. Mereka juga bersetuju bahawa hubungan interpersonal yang baik di kalangan rakan sejawat akan menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru al-Ghazali



menegaskan agar GPI tidak merendah-rendahkan mata pelajaran lain yang tidak diajar di hadapan pelajar demi menghormati rakan sejawat yang mengajar mata pelajaran tersebut dan merai kepentingan setiap ilmu pengetahuan yang baik.

Dari aspek hubungan dengan pelajar, proses pendidikan menurut al-Ghazali (t.t) memerlukan satu ikatan hubungan yang erat antara pendidik dan anak didik. Ini kerana kejayaan suatu proses pendidikan banyak bergantung kepada sejauhmana jalinan hubungan kasih sayang antara guru dan pelajar (Al-Ghazali, t.t; Abdullah Ishak, 1995). Hubungan ini dianggap memadai apabila guru mampu mendorong pelajar meletakkan kepercayaan penuh kepada guru sehingga tidak takut dan memandang tinggi kepada ilmu yang disampaikan (Abdul Salam Yussof, 2010). Guru yang profesional perlu menunjukkan suri teladan yang baik kepada pelajar dan persekitarannya di samping mampu berfungsi sebagai *role model* (al-Ghazali, t.t; Rafizah Mohamed Salleh, 2011) kerana akhlak boleh diperolehi menerusi interaksi dan praktikal harian serta tindakan dan watak para guru ketika menyampaikan pengajaran (al-Na'mi, 1994; Nurul Asiah Fasehah Muhamad et al., 2013). Dalam hal ini, Muhammad Qutb (1992) dan Abdul Raof Dalip (1993) menyatakan guru adalah insan penting yang menyemai akhlak yang baik pada diri dan dalam jiwa pelajar, menyerapkan pendidikan kerohanian dalam sanubari pelajar di samping menyemai semangat cintakan tanahair serta menyampaikan pendidikan kemasyarakatan kepada mereka. Oleh itu, para guru sebaiknya berusaha memulihkan keburukan akhlak yang tersebar luas dalam masyarakat kerana guru turut berperanan memperbaiki masyarakat (Abdul Salam Yussof, 2010).

Guru juga perlu mempunyai perasaan simpati dan menyayangi pelajar, menganggap pelajar seperti anak sendiri di samping menyampaikan pengajaran bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar (al-Ghazali, t.t). Perkara ini sebenarnya merujuk kepada layanan terhadap pelajar oleh seorang guru. Kamarul Azmi Jasmi et al. (2009) menegaskan bahawa GPI perlu menunjukkan contoh tauladan, mempamerkan sifat kejujuran, menjauhi yang haram, tawaduk, berifat mesra serta penyayang, mencetuskan motivasi dan memberi bimbingan, bersikap adil kepada semua pelajar tanpa mengira apa-apa jua aspek, tidak mudah menghukum dan mendenda pelajar, selalu bersedia menghulurkan bantuan, memupuk sifat kerjasama antara sesama anak didik, bersikap sabar, berdisiplin dan prihatin kerana ia merupakan lambang keperibadian GPI yang utama. Kajian Ab Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) menyimpulkan perkara yang diutarakan ini dengan menyatakan bahawa GPI perlu berpersonaliti positif yang merupakan antara asas kesediaan untuk

menjadi seorang GPI yang profesional. Berpersonaliti positif terhadap pelajar termasuklah sabar menerima pelbagai masalah pelajar, sentiasa menunjukkan rasa kasih sayang dan tidak bersikap memilih-milih pelajar, mendidik dan membimbing anak-anak yang kurang cerdas dengan cara sebaiknya, bersikap tawaduk serta menanam sifat bersahabat dalam hati terhadap semua muridnya (al-Ghazali, t.t; Abdul Salam Yussof, 2010).

GPI juga perlu menekankan ilmu akhirat di samping ilmu duniawi dan sedikit pun tidak perlu berasa telah berbudi kepada pelajar lantaran tugas mendidik jiwa anak murid agar sentiasa dekat dengan Allah s.w.t adalah tugas hakiki GPI (Al-Ghazali, t.t). Pelajar perlu dibimbing sesempurna mungkin dengan menekankan bahawa tujuan belajar adalah semata-mata kerana Allah s.w.t dengan bukan untuk kemegahan dunia. Bimbingan GPI seharusnya meliputi aspek akhlak agar pelajar menjauhi sifat mazmumah. GPI juga perlu memantau kemajuan pelajar mengikut peringkat setelah diberi pemahaman dan penerangan yang jelas berhubung isi satu-satu mata pelajaran.

Penekanan terhadap pelaksanaan tanggungjawab untuk para GPI agar berperibadi murni dan berperilaku luhur adalah bagi memastikan mereka memenuhi tuntutan kurikulum Pendidikan Islam selari dengan ajaran al-Qur'an. GPI perlu menanamkan akhlak mulia kerana akhlak itu lahir dari penghayatan rohani yang menggerakkan akal yang turut melahirkan tingkahlaku meliputi hubungan manusia dengan Allah s.w.t, hubungan insan dengan seluruh makhluk termasuklah sesama manusia serta dirinya sendiri (Noor Hisham Md Nawi, 2011).

Ringkasnya, inti pati utama untuk GPI dalam menyuburkan profesionalisme adalah menerapkan '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam diri masing-masing merangkumi hubungan dengan Allah, hubungan dengan diri sendiri, hubungan sesama rakan sejawat serta hubungan dengan pelajar. Setiap GPI perlu memahami dan menghayati falsafah ini agar proses pengajaran tidak tersasar dari matlamat utama GPI iaitu mencari keredhaan Allah s.w.t yang Maha Agung. Pada waktu yang sama, mata pelajaran Pendidikan Islam dari segenap sudut perlu sentiasa diperkemas dari semasa ke semasa agar ia mampu menjadi benteng dan asas kepada jati diri pelajar-pelajar Islam di Malaysia (Ahmad Munawar Ismail, 2008).

## RUMUSAN

Sebagai rumusan, teknik analisis kandungan yang dijalankan dalam melakukan penyelidikan ini telah berjaya mengenal pasti ciri-ciri guru

Pendidikan Islam profesional berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'. Oleh kerana pembangunan profesionalisme GPI perlu dilaksanakan secara berterusan untuk mengekalkan kelestarian kualiti GPI di samping membudayakan kecemerlangan profesional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014), kupasan berhubung aspek 'Riadhah Ruhiyyah' ini diharap dapat memotivasikan GPI untuk terus meningkatkan profesionalisme perguruan mereka di samping membantu pihak KPM merealisasikan hasrat mulia. Matlamatnya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan kerjaya murni yang menjadi penyambung tugas para rasul dan ulama ini sentiasa disanjung tinggi, bersesuaian dengan amanah Allah s.w.t serta tuntutan masyarakat untuk melahirkan modal insan yang beriman dan cemerlang; baik dalam bidang pelajaran, mahupun dalam aspek sahsiah, akhlak serta amalan nilai-nilai murni. Hal ini seterusnya akan mendorong dan memantapkan lagi aspek profesionalisme GPI dalam aspek pembangunan insan bergelar guru yang berteraskan konsep *Mudarris, Mu'addib, Murabbi, Mursyid dan Mu'allim* (Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi, 2012) menerusi usaha-usaha yang dilakukan oleh GPI untuk meningkatkan aspek profesionalisme mereka dari aspek hubungan dengan Allah s.w.t, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan rakan sejawat dan hubungan dengan anak didik GPI itu sendiri.

#### RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim, *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (1), 43-56.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. 2011. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff (pnyt), *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (19-37). Bangi: Penerbit UKM.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam, *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Raof Dalip. 1993. Teknik pengajaran dan pembelajaran pengetahuan agama Islam di sekolah menengah. Dalam Ismail Ab. Rahman

- (pnyt), *Pendidikan Islam Malaysia* (151-171). Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Raof Haji Hassan, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin Mohd. Zain & Wan Norainawati Hamzah. 2011. *Al-lughatul malayuwiyyah al-lughatul arabiah al-lughatul arabiyyah al-lughatul malayuwiyyah* Edisi Kedua. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Ahmad Munawar Ismail. 2008. *Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar- pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. (t.t). *Ihya ulum al-din*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. 1987. *Ihya ulum al-din*. Jil. 5. Cairo: Dar al-Rayyan Li Thuras.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. 1986. *Ihya Ulum al-Din*. Ismail Yaakub (terj). Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Allahbakhsh Khudabahsh Brohi. 1992. Pendidikan dalam sebuah negara berideologi. Dlm. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. *Tujuan dan objektif Pendidikan Islam*. Terj. Samsudin Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Na'mi, Abdullah al-Amin. 1994. *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Mohd. Ramzi Omar. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. 2005. *Kamus komprehensif bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Bingaman, B. 2009. A common vision: John Cassian and al-Ghazali's correlative conceptions of the spiritual life. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 20 (2), 171-182. doi.org/10.1080/09596410902781568
- Chow, F. M & Jaizah Mahamud. 2011. *Kajian tindakan: konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2007. *Research methods in education*. Oxon: Routledge.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 1990. *Pemikiran al-Ghazali tentang pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah. (2009). Sifat dan peranan keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E), 57-71.

- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah. 2011. Kajian kes kaedah pengajaran dan pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sekolah bandar dan luar Bandar satu kajian perbandingan, *Jurnal Teknologi*. 56 (Sains Sosial). 179-198.
- Kamarul Azmi Jasmi & Noor Fadhlina Nawawi. 2012. Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]*. (233-238). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Qutb. 1992. Peranan agama dalam pendidikan. Dlm. Syed Muhammad al- Naquib al-Attas. *Tujuan dan objektif Pendidikan Islam*. Terj. Samsudin Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Pelan pembangunan profesionalisme berterusan (Guru dan pemimpin sekolah)*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). *Konsepsualisasi semula kurikulum Pendidikan Islam*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2013). Hubungan antara efikasi sendiri (EK) dengan kualiti guru pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5 (1), 41-60.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Mohd Isa Hamzah, Ab. Halim Tamuri, Noornajihan Ja'afar, Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd Amat, Norakyairee Mohd Raus & Syed Najihuddin Syed Hassan. 2013. The Importance of Positive Self-concept for Islamic Education Teachers as a Role Model, *US-China Education Review B*, 3 (1), 29-35.
- Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing. 2005. Perkembangan profesional guru secara berterusan: perspektif pembangunan sumber manusia, *Masalah Pendidikan*, 131-141. Diakses pada 2015 Januari, 22 dari [https://www.researchgate.net/publication/237225630\\_perkembangan\\_profesional\\_guru\\_secara\\_berterusan\\_perspektif\\_pembangunan\\_sumber\\_manusia](https://www.researchgate.net/publication/237225630_perkembangan_profesional_guru_secara_berterusan_perspektif_pembangunan_sumber_manusia)

- Postholm, M.B. 2012. Teachers' professional development: A theoretical review, *Educational Research*, 54 (4), 405-429. Doi: 10.1080/00131881.2012.734725
- Rafizah binti Mohamed Salleh. 2011. *Model guru contoh Pendidikan Islam* Laporan Penyelidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rizvi, S. H. 2012. Philosophy as a way of life in the world of Islam : Applying Hadot to the study of Mulla Sadra Shirazi (1635), *Bulletin of School of Oriental and African Studies*, 75 (1), 33-45. Doi: 10.1017/S0041977X11000851
- Sellars, J. 2007. Justus Lipsius's De Constantia: A Stoic spiritual exercise, *Poetics Today*, 28 (3): 339-362.
- Seyyed Hossein Nasr. 1981a. The interior life in Islam. *Islamic Life and Thought* (191-199). London: George Allen & Unwin Ltd.
- Seyyed Hossein Nasr. 2003. Islam as Religion. *Islam Religion, History and Civilization* (25-58). New York: HarperCollins Publishers.
- Sheikh Othman Sheikh Salim. 2002. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. 2003. *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan tesis (esei, proposal, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Yahya Buntat & Zainuddin Masrom. 2003. Amalan etika profesion perguruan di kalangan guru-guru Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu, Kulai Johor. Satu Tinjauan, *Jurnal Teknologi*. 6, 65-74.
- Zaharah Hussin. 2008. *Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan Pendidikan Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.